A

SUKRIDTA CHALIA & YANG LAIN lwn. LEE GHEE BOON & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[RAYUAN SIVIL NO: 12A-NCVC-02-08-2014]
6 FEBRUARI 2015

B

GANTI RUGI: *Kuantum – Rayuan – Kemalangan jalanraya – Versi yang berbeza antara pihak-pihak yang terlibat – Versi yang lebih kredibel – Liabiliti 50%-50% – Sama ada hakim Mahkamah Sesyen khilaf dalam award – Rayuan terhadap ganti rugi am kehilangan peluang untuk berkahwin dan kos kaki palsu*

C

TORT: *Ganti rugi – Taksiran – Kemalangan jalanraya – Versi yang berbeza antara pihak-pihak yang terlibat – Versi yang lebih kredibel – Liabiliti 50%-50% – Sama ada hakim Mahkamah Sesyen khilaf dalam award ganti rugi am dan khas*

D

Ketika menunggang motosikalnya, perayu pertama telah terlibat dalam satu kemalangan jalanraya dengan kereta yang dipandu oleh responden pertama. Semasa kemalangan tersebut, perayu pertama sedang membawa perayu kedua dan ketiga sebagai pembonceng. Menurut perayu-perayu, motosikal perayu pertama diberhentikan di tepi jalan sebelah kiri dan mereka nampak

E

kereta yang dipandu oleh responden pertama terhuyung-hayang dan berlaku pelanggaran hingga motosikal terjatuh ke dalam sawah. Sebaliknya responden mendalihkan bahawa pertembungan berlaku di jalan mini tar. Perayu-perayu menuntut ganti rugi am dan khas terhadap responden-responden di Mahkamah Sesyen. Di akhir perbicaraan, HMS memutuskan

F

perayu pertama dan responden-responden sama-sama bertanggungan 50%-50% ke atas kemalangan yang berlaku. Tuntutan balas responden-responden ditolak dengan kos dan responden-responden diperintahkan membayar ganti rugi atas dasar 100% kepada perayu-perayu. Terkilan dengan keputusan HMS terhadap isu tanggungan sebanyak 50% dan sebahagian keputusan kuantum, perayu-perayu memfailkan rayuan ini dengan menghujahkan

G

bahawa HMS terkhilaf apabila menerima versi responden pertama. Mengenai isu kuantum, perayu pertama secara khususnya merayu terhadap keputusan HMS dalam (i) tidak memberikan ganti rugi am kehilangan peluang untuk berkahwin; dan (ii) membenarkan kos kaki palsu berdasarkan sebut harga yang dikemukakan oleh responden pertama.

H

Diputuskan (membenarkan sebahagian rayuan):

(1) Hakim Mahkamah Sesyen gagal mempertimbangkan kedudukan kenderaan selepas pelanggaran. Ia selari dengan versi perayu-perayu yang menyatakan responden pertama dalam keadaan terhuyung-hayang

I

dan melanggar motosikal perayu-perayu yang berhenti di tepi jalan dan bukannya di tengah jalan sebagaimana yang didakwa oleh responden pertama. Sekiranya versi responden benar iaitu pertembungan secara berdepan, motosikal tersebut akan tertolak ke hadapan dan tidak boleh

berada di belakang kereta tersebut. Kerosakan motosikal perayu pertama juga selari dengan versinya. Walaupun rim hadapan motosikal bengkok sedikit, bahagian lain hadapan motosikal perayu pertama tidak rosak. Kedudukan kereta yang berada jauh dalam sawah menunjukkan ia dipandu dengan laju. (perenggan 19, 20, 22 & 23)

(2) Kemalangan berlaku pada pukul 6.30 petang dan masih cerah dan jalan lurus serta tiada halangan pandangan. Hakim Mahkamah Sesyen gagal membuat inferen responden pertama tidak menumpukan perhatiannya. Selain itu, kecederaan yang dialami oleh perayu-perayu juga menyokong versi perayu-perayu. Sekiranya versi yang diterima HMS benar, kecederaan yang akan dialami adalah sangat teruk dan akan terdapat pada merata bahagian badan dengan mengambil kira kelajuan kereta yang dipandu oleh responden pertama. (perenggan 24, 25 & 33)

(3) Responden-responden bertanggungan 100% dalam kemalangan yang berlaku. Rayuan balas responden-responden ditolak. Perayu pertama tiada cuai sumbang walaupun pada ketika itu membawa dua orang pembonceng. Pada masa itu, perayu pertama tidak berpeluang untuk mengelak pelanggaran kerana responden pertama telah memandu keretanya dalam keadaan terhuyung-hayang. Perayu pertama mungkin melakukan kesalahan trafik tetapi ia tidak menyebabkan perayu pertama bertanggungan. (perenggan 39, 41 & 42)

(4) Sebelum kemalangan, perayu pertama mempunyai teman lelaki dan selepas kemalangan, mereka telah berpisah. Walaupun perayu pertama boleh berjalan apabila kaki palsu dipasang, penampilan seorang perempuan dalam keadaan begitu boleh mengurangkan tarikan seorang lelaki untuk berkahwin. Mahkamah mengawardkan RM15,000 sebagai ganti rugi am atas kehilangan peluang untuk berkahwin. (perenggan 52 & 53)

(5) Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf apabila membuat potongan 1/3 daripada sebut harga yang dicadangkan oleh responden pertama. Potongan 1/3 akan diberikan apabila melibatkan plaintif yang lumpuh dan jangka hayat akan berkurangan. Perayu pertama seorang yang muda dan kesihatannya baik. Rayuan perayu pertama dibenarkan setakat membenarkan kos kaki palsu sepenuhnya tanpa membuat apa-apa potongan. (perenggan 57)

Kes-kes yang dirujuk:

Che Wil Che Ali v. Mahmood Ismail [1982] CLJ 484; [1982] CLJ (Rep) 420 HC ***(dirujuk)***

China Airlines Ltd v. Maltran Air Corp Sdn Bhd & Another Appeal [1996] 3 CLJ 163 FC ***(dirujuk)***

Ges Anak Barundang & Ors v. Md Noor Che Abd Rahman & Anor [2000] 8 CLJ 142 HC ***(dirujuk)***

Khoo See Moi v. Tay Teik Chang [1970] 1 LNS 48 HC ***(dirujuk)***

Lee Hock Lai v. Yeoh Wah Pein [1998] 1 LNS 364 HC ***(dirujuk)***

A *Mariam Mansor v. JD Peter [1975] 1 LNS 101 HC* ***(diikuti)***
Mat Desa Salleh v. Ang Hock Lee & Anor [1978] 1 LNS 119 HC ***(dirujuk)***
Morgan Perumal v. Ketua Inspektor Hussein Abdul Majid & Ors [1996] 3 CLJ 600 HC ***(diikuti)***
Multar Masngud v. Lim Kim Chet & Anor [1982] CLJ 107; [1982] CLJ Rep 237 FC ***(dirujuk)***
B *Peraganathan Karpaya v. Choong Yuk Sang & Anor [1996] 1 CLJ 622 HC* ***(dibezakan)***
Saniah & Ors v. Abdul Hamid & Ors [1967] 1 LNS 156 HC ***(dirujuk)***
Seah Yit Chen v. Singapore Bus Service [1978] Ltd & Ors [1990] 2 CLJ 901; [1990] 3 CLJ (Rep) 965 HC ***(dirujuk)***
Siti Rohani Mohd Shah & Ors v. Hj Zainal Hj Saifiee & Anor [2001] 1 CLJ 498 HC ***(dirujuk)***
C *Tan Kuan Yau v. Suhindrimani Angasamy [1985] 1 CLJ 429; [1985] CLJ (Rep) 323 FC* ***(dirujuk)***
Topaiwah v. Salleh [1968] 1 LNS 161 FC ***(dirujuk)***
Yahaya Mat & Anor v. Abdul Rahman Abu [1982] CLJ 68; [1982] CLJ Rep 363 FC ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu/plaintif - Tiong Hou Tseng; T/n NM Tiong & Co
D *Bagi pihak responden/defendan - Nor Emelia Mohd Norizal Thiru; T/n Shan & Su*

[Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Kangar; Saman No: 53-36-02-2013]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

E **PENGHAKIMAN**

Abu Bakar Katar PK:

[1] Perayu pertama/plaintif pertama merupakan penunggang motosikal nombor pendaftaran: KBU 4381 telah terlibat dengan kemalangan jalan raya dengan kereta nombor pendaftaran: PBE 7127 yang dipandu oleh responden
F pertama/defendan pertama pada 27 Mei 2012 pada jam 6.30 petang. Pada masa dan tarikh kemalangan, perayu pertama/plaintif pertama telah membawa perayu kedua/plaintif kedua dan perayu ketiga/plaintif ketiga sebagai pembonceng.

G **[2]** Perayu pertama/plaintif pertama, perayu kedua/plaintif kedua dan perayu ketiga/plaintif ketiga kemudiannya telah memfailkan saman dan penyata tuntutan di Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis Indera Kayangan terhadap responden-responden/defendan-defendan bagi menuntut ganti rugi am, ganti rugi khas, kadar faedah dan kos (ms. (10) - (28) rekod rayuan (R.R)).

H **[3]** Sebagaimana lazimnya, responden-responden/defendan-defendan telah mempertikaikan tuntutan perayu-perayu/plaintif-plaintif. Mereka melalui peguamnya iaitu Tetuan Shan & Su telah memfailkan penyata pembelaannya (ms. (29) - (34) R.R).

I **[4]** Perbicaraan penuh telah diadakan di hadapan hakim, Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis Indera Kayangan (Tuan HMS itu). Di akhir perbicaraan, pada 18 Ogos 2014, Tuan HMS itu telah memutuskan perayu pertama/plaintif pertama dan responden-responden/defendan-defendan sama-sama bertanggungan 50%-50% ke atas kemalangan yang berlaku.

[5] Tuan HMS itu telah memerintahkan responden-responden/defendan-defendan membayar ganti rugi atas dasar 100% kepada perayu-perayu/plaintif-plaintif seperti berikut:

(a) Perayu pertama/plaintif pertama ganti rugi am sebanyak RM130,000 dan ganti rugi khas sebanyak RM215,974.67.

(b) Perayu kedua/plaintif kedua ganti rugi am sebanyak RM20,000 dan ganti rugi khas sebanyak RM300.

(c) Perayu ketiga/plaintif ketiga ganti rugi am sebanyak RM50,000 dan ganti rugi khas sebanyak RM300.

[6] Tuan HMS itu selanjutnya memerintahkan kadar faedah 5% setahun atas ganti rugi am mulai tarikh penyampaian saman sehingga ke tarikh penghakiman, kadar faedah 2.5 % setahun atas ganti rugi khas mulai tarikh kemalangan sehingga ke tarikh penghakiman dan 5% setahun atas jumlah penghakiman sehingga ke tarikh penyelesaian penuh dan kos sebanyak RM22,346. Tuan HMS itu juga telah menolak tuntutan balas yang difailkan oleh responden-responden/defendan-defendan dengan kos sebanyak RM14,563.

[7] Perayu-perayu/plaintif-plaintif yang terkilan dengan keputusan Tuan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi, Malaya, Kangar, Perlis Indera Kayangan atas isu tanggungan yang memutuskan perayu pertama/plaintif pertama bertanggungan 50% dan sebahagian keputusan kuantum (ms. (1) - (3) R.R). Responden-responden/defendan-defendan telah memfailkan rayuan balas (lampiran (9)) atas keputusan Tuan HMS itu yang menolak tuntutan balas dan tolakan terhadap perayu pertama/plaintif pertama selaku penunggang motosikal yang bertanggungan 50% dalam kemalangan yang berlaku.

[8] Mahkamah ini telah mengarahkan pihak-pihak memfailkan penghujahan bertulisnya dan pada 6 Februari 2015, mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu-perayu/plaintif-plaintif atas isu tanggungan. Mahkamah ini berpendapat responden-responden/defendan-defendan bertanggungan 100% dalam kemalangan yang berlaku. Mahkamah ini juga menolak rayuan balas oleh responden-responden/defendan-defendan dengan kos.

[9] Mahkamah ini membenarkan sebahagian rayuan perayu-perayu/plaintif-plaintif atas kuantum setakat yang berikut:

(i) perayu pertama/plaintif pertama:

(a) Mahkamah ini membenarkan peluang untuk berkahwin sebanyak RM15,000.

(b) Mahkamah ini membenarkan kos kaki palsu sepenuhnya sebagaimana eks. D15 tanpa apa-apa potongan.

(ii) perayu ketiga/plaintif ketiga:

(a) Mahkamah ini membenarkan ganti rugi am bagi kecederaan 'muscle wasting' dan parut secara global sebanyak RM10,000.

(b) Mahkamah ini memerintahkan responden-responden/defendan-defendan membayar kos RM4,000 atas rayuan yang dibenarkan dan penolakan rayuan balas kepada perayu-perayu/plaintif-plaintif.

[10] Responden-responden/defendan-defendan yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

[11] Mahkamah ini akan menyentuh rayuan perayu-perayu/plaintif-plaintif atas isu tanggungan terlebih dahulu dalam alasan penghakimannya. Sebelum mahkamah ini menyentuh merit rayuan atas isu tanggungan, eloklah diimbau kembali tugas mahkamah ini dalam menggarap isu tanggungan di peringkat "appellate stage". Sejauh mana mahkamah ini dibenarkan untuk mencampuri atau mengganggu keputusan Tuan HMS itu berkaitan isu tanggungan di mana telah memutuskan perayu pertama/plaintif pertama dan responden-responden/defendan-defendan sama-sama bertanggungan 50% - 50% dalam kemalangan yang berlaku.

[12] Mahkamah ini merujuk kes *China Airlines Ltd v. Maltran Air Corp Sdn Bhd & Another Appeal* [1996] 3 CLJ 163 di mana YA Mohd Dzaidin Abdullah HMP (pada ketika itu) telah menzahirkan pandangannya sebagaimana berikut:

> [3] However, there is clear authority that a distinction can be drawn between the finding of a specific fact which depends upon the credibility of witnesses, and a finding of fact which depends upon inferences drawn from other facts. In the latter case, an appellate Court will more readily interfere with the trial judge's findings of fact and form an independent opinion. Thus, in cases where there is no question of the credibility or reliability of any witness, or where the point in dispute is the proper inference to be drawn from proved facts, an Appeal Court is generally in as good a position to review and evaluate the evidence as the trial Judge. In the instant Appeal, there was nothing in the trial judge's judgment which indicated that her decision was based on the credibility of the witnesses or the impression she formed of them.

[13] Mahkamah ini merujuk kes *Lee Hock Lai v. Yeoh Wah Pein* [1998] 1 LNS 364; [1999] 5 MLJ 172 di mana YA Mohd Hishamudin H (pada ketika itu) ada menyuarakan pandangannya:

> It is a basic principle of law that an appellate court should be slow in disturbing a finding of fact by a lower court. But it is also the principle that an appellate court should reverse a finding of fact by the lower court if such finding is clearly against the weight of evidence.

Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan diatas, Mahkamah ini akan meneliti merit rayuan oleh perayu-perayu/plaintif-plaintif sebagaimana yang telah diperincikan dalam memorandum rayuan [muka surat (4) - (9) R.R].

[14] Mahkamah ini telah meneliti penghujahan bertulis yang difailkan oleh pihak-pihak, mahkamah ini berpendapat isu utama dibangkitkan ialah:

(i) Tuan HMS itu telah terkhilaf apabila menerima versi responden pertama/defendan pertama di dalam alasan penghakimannya.

[15] Mahkamah ini bersetuju arah perjalanan pihak-pihak tidak dipertikaikan. Perayu pertama/plaintif pertama yang membonceng perayu kedua/plaintif kedua dan perayu ketiga/plaintif ketiga dalam perjalanan arah atas ke bawah rajah kasar (ms. (43) R.R). Responden pertama/defendan pula daripada arah bertentangan iaitu bawah ke atas rajah kasar.

[16] Peguam perayu-perayu/plaintif-plaintif yang terpelajar telah menghujahkan terdapat dua versi kemalangan iaitu mengikut versi perayu-perayu/plaintif-plaintif, mereka nampak kereta yang dipandu oleh responden pertama/defendan pertama terhuyung-hayang di mana motosikal perayu pertama/plaintif pertama telah diberhentikan di tepi jalan sebelah kiri (ditandakan "X" oleh SP4 dan "Y" oleh SP4) tetapi berlaku juga perlanggaran dan motosikal ditolak masuk ke dalam sawah.

[17] Versi responden pertama/defendan pertama ianya merupakan pertembungan di tengah jalan mini tar ditandakan sebagai "O" dalam rajah kasar.

[18] Peguam perayu-perayu/plaintif-plaintif telah menghujahkan Tuan HMS itu telah terkhilaf menerima versi responden pertama/defendan pertama. Tuan HMS itu berpendapat keterangan senyap iaitu rajah kasar, tempat serpihan kaca dan kerosakan kenderaan tidak menyokong versi perayu-perayu/plaintif-plaintif.

[19] Mahkamah ini bersetuju Tuan HMS itu gagal menimbangkan kedudukan kenderaan selepas perlanggaran. Motosikal perayu pertama/plaintif pertama berada di tanda "B" dalam rajah kasar dan kereta yang dipandu oleh responden pertama/defendan pertama berada di tanda "C" dalam rajah kasar. Mahkamah ini bersetuju ianya selari dengan versi perayu-perayu/plaintif-plaintif yang menyatakan responden pertama/defendan pertama dalam keadaan terhuyung-hayang dan melanggar motosikal perayu-perayu/plaintif-plaintif yang berhenti di tepi jalan dan bukannya di tengah jalan sebagaimana yang didakwa oleh responden pertama/defendan pertama.

[20] Mahkamah ini sependapat dengan hujahan peguam perayu-perayu/plaintif-plaintif yang terpelajar iaitu sekiranya versi responden pertama/defendan pertama benar iaitu pertembungan secara berdepan, motosikal akan tertolak ke hadapan dan tidak boleh berada di belakang kereta tersebut.

[21] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan peguam perayu-perayu/plaintif-plaintif yang terpelajar iaitu Tuan HMS itu terkhilaf dalam penelitiannya atas kerosakan kenderaan. Pegawai penyiasat (SP1) telah menyatakan kerosakan motosikal "bahagian depan rosak teruk sebelah kanan". Kerosakan ini dengan jelasnya ditunjukkan dalam gambar P2G (ms. (48) - (49) R.R). Kerosakan kereta "bonet hadapan kemek, cermin hadapan pecah, remuk teruk bahagian hadapan". Kerosakan ini ada ditunjukkan dalam gambar P2K (ms. (50) - (51) R.R).

[22] Mahkamah ini bersetuju kerosakan motosikal perayu pertama/plaintif pertama jelas nampak penghadang angin bahagian kanan kesemuanya pecah dan bakulnya tertolak ke tepi. Kerosakan ini selari dengan versi perayu pertama/plaintif pertama iaitu sedang berhenti di tepi jalan apabila dilanggar dan ditolak ke dalam sawah padi kerana hadapan sebelah kanan motosikal menghadap kereta yang dipandu oleh responden pertama/defendan pertama dari arah bertentangan.

[23] Mahkamah ini bersetuju Tuan HMS itu terkhilaf apabila memutuskan pertembungan secara berdepan. Walaupun rim hadapan motosikal ada bengkok sedikit, bahagian hadapan motosikal perayu pertama/plaintif pertama lainnya tidak rosak. Mahkamah ini bersetuju tayar masih sempurna, lampu depan dan signal tidak pecah. Mahkamah ini juga bersetuju kedudukan kereta yang berada jauh dalam sawah menunjukkan ianya dipandu dengan laju. Sekiranya versi responden pertama/defendan pertama benar, motosikal perayu pertama/plaintif pertama akan mengalami kerosakan yang lebih teruk.

[24] Mahkamah ini juga bersetuju kecederaan yang dialami oleh perayu-perayu/plaintif-plaintif hanya terdapat di bahagian kanan ianya menyokong versi perayu-perayu/plaintif-plaintif. Perayu pertama/plaintif pertama mengalami "crush injury of right lower limb secondary to motor vehicle accident, close fracture of right glenoid" (P8) (ms. (67) R.R). Perayu kedua/plaintif kedua pula mengalami "fracture of right tibia" (P3) (ms. (53) R.R) dan perayu ketiga/plaintif ketiga telah mengalami "closed fracture of midshaft right femur" (P5) (ms. (60) R.R).

[25] Mahkamah ini bersetuju kecederaan perayu-perayu/plaintif-plaintif ianya menyokong versi perayu-perayu/plaintif-plaintif. Mahkamah ini bersetuju sekiranya versi yang diterima oleh Tuan HMS itu benar, kecederaan yang akan dialami sangat teruk dan akan terdapat di merata bahagian badan dengan mengambil kira kelajuan kereta yang dipandu oleh responden pertama/defendan pertama.

[26] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan peguam perayu-perayu/plaintif-plaintif yang terpelajar iaitu Tuan HMS itu terkhilaf apabila menyatakan "D" pecahan kaca yang bertaburan di keseluruhan jalan menunjukkan tempat pertembungan yang berada di pertengahan jalan.

[27] Mahkamah ini bersetuju Tuan HMS itu telah mengabaikan keterangan SP1 yang menyatakan "D" kesan cermin hadapan kereta responden pertama/defendan pertama. SP1 dalam S & J No. 13 kenyataan saksi (ms. (135) R.R) ada menyatakan:

> ... Dipercayai dari cermin hadapan m/kar No: PBE 7127. Kaca boleh nampak dalam gambar "D" yang bertaburan dalam serpihan kecil di seluruh jalan.

[28] Mahkamah ini bersetuju responden-responden/defendan-defendan tidak mempertikaikan keterangan SP1 ini dan ianya perlu diterima. Mahkamah ini bersetuju pecahan kaca cermin hadapan perlu dibezakan dengan pecahan lampu kenderaan dalam menentukan titik pertembungan. Mahkamah ini dirujukkan kes *Yahaya Mat & Anor v. Abdul Rahman Abu* [1982] CLJ 68; [1982] CLJ Rep 363 di mana Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> The windshield of the taxi however was not broken but only its off-side headlamp was and this would make some considerable difference to the conclusion he reached on the importance of the position where the glass was found as pieces of glass from the broken headlamp would probably fall almost at the point of impact.

[29] Mahkamah ini turut dirujuk kes *Mat Desa Bin Salleh v. Ang Hock Lee & Anor* [1978] 1 LNS 119 dalam menggarap isu yang sama menyatakan:

> The vital question is where was the point of impact. Taking into consideration all the relevant facts and surrounding circumstances, including documentary evidence, I hold that the point of impact is not at point X. It is improbable that the glass fragments from the defendant's car could fall sideways immediately on impact and at almost the same spot since the motor-car did not stop but proceeded on and came to a brief stop a distance away. That version is not supported by the 1st defendant's own evidence, not to mention the plaintiff's. In the circumstances, the glass fragments would be carried forward by the heavier moving vehicle for some distance from the point of impact before they dropped on the road upon the vehicle coming to a stop. (See Ong C.J. (as he then was) in *Foong Nan v. Sagadevan* [1971] 2 MLJ 24 at page 25, left hand column, paragraph I).

[30] Akhirnya, mahkamah ini dirujuk kes *Ges Anak Barundang & Ors v. Md Noor Che Abd Rahman & Anor* [2000] 8 CLJ 142; [2000] 1 LNS 258 yang menyatakan:

> 29. In the present case, there is no evidence to show that both vehicles stopped dead on impact. In fact, DW4 testified that the red car moved 2 feet forward whereas the van swung back to the Sri Aman lane (see page 127 Appeal Record). The broken glass fragments were scattered all over the road. I have no reason to disagree with the trial judge's finding that the location of the glass debris does not really shed any light as to where the impact had happened.

[31] Mahkamah ini bersetuju sekiranya Tuan HMS itu menimbangkan nas-nas duluan yang dirujuk, beliau tidak akan menitikberatkan pecahan kaca yang bertaburan atas keseluruhan jalan. Pecahan kaca tersebut tidak menyokong versi responden-responden/defendan-defendan.

[32] Peguam perayu-perayu/plaintif-plaintif yang terpelajar menghujahkan Tuan HMS itu terkhilaf apabila tidak menimbangkan keterangan responden pertama/defendan pertama yang beliau tidak nampak motosikal plaintif sebelum kemalangan. Mahkamah ini dirujuk keterangan responden pertama/defendan pertama (ms. (55) - (56) R.R) yang menyatakan:

Q : Pertama kali dengar bunyi langgar motosikal, kamu baru sedar ada motorsikal?

A : Saya tidak ingat.

Q : Jadi kamu tidak ingat kemalangan ini?

A : Apabila dengar perlanggaran, baru saya dapati ada motosikal dihadapan. Jawapan saya tadi adalah disebabkan saya tidak faham soalan.

Q : Jadi selepas itu kamu terkejut dan terus elak ke kanan dan masuk dalam sawah?

A : Ya.

[33] Mahkamah ini bersetuju pada masa kemalangan jam 6.30 petang masih cerah dan jalan lurus serta tiada halangan pandangan. Mahkamah ini bersetuju Tuan HMS itu gagal membuat inferen responden pertama/defendan pertama tidak menumpukan perhatiannya dan ianya menyokong versi perayu-perayu/plaintif-plaintif iaitu responden pertama/defendan pertama memandu keretanya terhuyung-hayang dan tidak nampak kehadiran motosikal perayu pertama/plaintif pertama.

[34] Peguam perayu-perayu/plaintif-plaintif yang terpelajar telah menghujahkan keterangan responden pertama/defendan pertama di mahkamah berbeza dengan laporan polisnya. Mahkamah ini bersetuju Tuan HMS itu telah terkhilaf apabila memutuskan responden pertama tidak faham Bahasa Melayu semasa membuat laporan polis (D17) iaitu dua jam selepas kemalangan. Mahkamah ini bersetuju Tuan HMS itu seharusnya menimbangkan percanggahan laporan polis dan keterangan responden pertama/defendan pertama menyokong versi perayu-perayu/plaintif-plaintif. Semasa perbicaraan, responden pertama/defendan pertama telah menyatakan "keluar dari lorong" tidak betul tetapi isi kandungan yang lainnya betul.

[35] Mahkamah ini bersetuju dalam laporan polisnya menyatakan "melanggar motokar saya di bahagian sisi tengah sebelah kanan". Kerosakan yang diperincikan oleh pegawai penyiasat ianya bercanggah dengan laporan polis yang dibuat oleh responden pertama/defendan pertama. Mahkamah ini

bersetuju kerosakan kereta responden pertama/defendan pertama di bahagian hadapan. Mahkamah ini bersetuju dalam keadaan begini, Tuan HMS itu seharusnya menolak versi responden pertama/defendan pertama. Mahkamah ini dirujukkan kes *Multar Masngud v. Lim Kim Chet & Anor* [1982] CLJ 107; [1982] CLJ (Rep) 237 di mana YA Syed Othman HMP menyatakan:

> The first respondent's report, on the other hand, is at variance with his evidence in court and the sketch plan. In the report he said he stopped the lorry when he heard someone knocking into the rear of the lorry. In court he said the motorcycle collided with the right side of the lorry.
>
> ... we are satisfied that crucial evidence has been misconstrued resulting in the uncertainty of the first respondent's evidence as to how he came in contact with the motorcycle being put in a favourable light and the consistency of the appellant's evidence being disregarded. On the evidence before the court, we are satisfied that the first respondent was wholly to blame for the accident.

[36] Mahkamah ini juga bersetuju Tuan HMS itu terkhilaf apabila memutuskan responden pertama/defendan pertama tidak faham Bahasa Melayu. Mahkamah ini merujuk keterangan responden pertama/defendan pertama yang menyatakan:

> Saksi:
>
> Saya buat laporan dalam Bahasa Melayu. Saya boleh cakap dan tidak boleh baca. Pihak polis telah baca semula kepada saya dan polis suruh saya tandatangan
>
> (muka surat (54) R.R)

[37] Mahkamah ini bersetuju Tuan HMS itu semasa menerima penjelasan responden pertama/defendan pertama berkaitan percanggahan dilaporkan, polisnya gagal menimbangkan mengapa responden pertama/defendan pertama tidak membuat laporan polis lainnya untuk membetulkan isi kandungan walaupun dua tahun selepas kemalangan dan lebih kurang satu tahun selepas prosiding mahkamah dimulakan. Responden pertama/defendan pertama tidak memanggil Koperal Mohd Roslim bin Husin yang mengambil laporan polisnya sekiranya dikatakan menokok tambah laporannya. Mahkamah ini turut bersetuju tiada aduan atau laporan polis terhadap pegawai polis yang menokok tambah butiran dalam laporan polis.

[38] Mahkamah ini juga bersetuju responden pertama/defendan pertama dilahirkan dalam tahun 1974 dan mengambil pendekatan yang sama dalam kes *Morgan Perumal v. Ketua Inspektor Hussein Abdul Majid & Ors* [1996] 3 CLJ 600 iaitu responden pertama/defendan pertama sebagai warga Malaysia fasih dalam Bahasa Malaysia. Mahkamah ini berpendapat responden pertama/defendan pertama tidak boleh menjadikan ianya alasan untuk mempertahankan percanggahan keterangannya di mahkamah dan laporan polis (ms. (105) R.R).

A **[39]** Mahkamah ini berpendapat berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat keputusan Tuan HMS itu perlu diubah terutamanya penemuan faktanya yang menerima versi responden pertama/defendan pertama. Mahkamah ini berpendapat responden-responden/defendan-defendan yang bertanggungan 100 % dalam
B kemalangan yang berlaku pada tarikh, masa dan tempat yang dipidkan.

[40] Mahkamah ini juga berpendapat Tuan HMS itu terkhilaf apabila bergantung kepada kes *Peraganathan Karpaya v. Choong Yuk Sang & Anor* [1996] 1 CLJ 622 apabila mengagihkan tanggungan 50% atas perayu pertama/plaintif pertama dan defendan-defendan 50% dalam kemalangan
C yang berlaku. Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Peraganathan Karpaya* (*supra*), mahkamah bicara tidak dapat memastikan kecuaian di pihak siapa barulah tanggungan diagihkan sama rata. Berbeza dengan kes yang dirayu di hadapan mahkamah ini, terdapat keterangan yang menunjukkan responden-responden/defendan-defendan bertanggungan 100% dalam kemalangan yang
D berlaku.

[41] Mahkamah ini berpendapat, perayu pertama/plaintif pertama tiada cuai sumbangan walaupun pada ketika itu membawa dua orang pembonceng. Beliau pada masa itu tidak berpeluang untuk mengelakkan perlanggaran kerana responden pertama/defendan pertama telah memandu keretanya
E dalam keadaan terhuyung-hayang.

[42] Mahkamah ini berpendapat mungkin perayu pertama/plaintif pertama melakukan kesalahan trafik dan ianya tidak menyebabkan perayu pertama/plaintif pertama bertanggungan (sila rujuk kes-kes *Che Wil Che Ali v. Mahmood Ismail* [1982] CLJ 484; [1982] CLJ (Rep) 420; *Siti Rohani Mohd*
F *Shah & Ors v. Hj Zainal Hj Saifiee & Anor* [2001] 1 CLJ 498).

[43] Mahkamah ini telah pun memutuskan responden-responden/defendan-defendan bertanggungan 100% dalam kemalangan yang berlaku, mahkamah ini menolak rayuan silang oleh responden-responden/defendan-
G defendan atas keputusan Tuan HMS itu yang menolak tuntutan balas dan tolakan yang diplidkan dalam penyata pembelaannya. Mahkamah ini bersetuju sekiranya tanggungan 50%-50%, Tuan HMS itu seharusnya membenarkan tuntutan balas dan tolakan yang difailkan oleh responden-responden/defendan-defendan.

H **[44]** Mahkamah ini sekarang akan beralih kepada rayuan perayu-perayu/plaintif-plaintif atas kuantum. Sebelum mahkamah ini menyentuh isu kuantum, eloklah dirujuk nas duluan yang menggariskan prinsip-prinsip berkaitan kuantum dan setakat mana mahkamah ini selaku "appellate court" mencampuri budi bicara mahkamah bicara dalam menentukan award atau
I kuantum.

[45] Mahkamah ini merujuk kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Tan Kuan Yau v. Suhindrimani Angasamy* [1985] 1 CLJ 429; [1985] CLJ (Rep) 323; [1985] 2 MLJ 22 yang menggariskan seperti berikut:

> Now, in an appeal on quantum of damages it is essential in order to come to a conclusion to bear in mind certain principles which are well established. The appeal court is slow, disinclined to interfere with the Judge's finding merely because the appeal court thinks that if the case had been before it in the first instance a lesser sum would have been awarded.

[46] Selanjutnya, mahkamah ini merujuk kes *Topaiwah v. Salleh* [1968] 1 LNS 161 yang memutuskan seperti berikut:

> So far as this Court is concerned we should, to paraphrase Greer LJ in *Flint v. Levell* [1935] 1 KB 354, 360 be disinclined to reverse the finding of a trial Judge as to the amount of damages merely because we think that if we had tried the case in the first instance we would have given a lesser sum. To justify reversing him, we should be convinced that he acted upon some wrong principle of law, or that the amount awarded was so extremely high or so very small as to make it an entirely erroneous estimate of the damage. The assessments which the Courts have made over the years form some guide to the kind of figure which is proper and which the appellate Court will follow in the light of the special facts of each particular case.

[47] Berbekalkan nas-nas duluan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini akan menyentuh rayuan perayu-perayu/plaintif-plaintif atas kuantum. Mahkamah ini telah meneliti notis rayuan yang difailkan oleh perayu-perayu/plaintif-plaintif dan rayuan atas kuantum terhad kepada perkara-perkara berikut:

Perayu Pertama/Plaintif Pertama

Peluang Untuk Berkahwin

[48] Perayu pertama/plaintif pertama merayu atas keputusan Tuan HMS itu yang tidak memberikan ganti rugi am kehilangan peluang untuk berkahwin akibat kecederaan yang dialami berpunca daripada kecuaian responden-responden/defendan-defendan.

[49] Peguam perayu pertama/plaintif pertama telah menghujahkan Tuan HMS itu terkhilaf apabila tidak membenarkan ganti rugi ini kerana terdapat keterangan berkaitan peluang untuk berkahwin. Mahkamah ini dirujuk keterangan perayu pertama/plaintif pertama di soalan 14 dan 15 (ms. (142) R.R).

S : Sebelum kemalangan adakah kamu mempunyai seorang teman lelaki?

A : Ya

S : Bagaimana dengan kemalangan?

J : Setelah kemalangan berlaku beliau tidak dapat menerima keadaan saya sekarang dan telah berpisah dengan saya.

[50] Peguam perayu pertama/plaintif pertama menegaskan perayu pertama/plaintif pertama pada tarikh kemalangan baru berusia 17 tahun dan perlu dipampas kehilangan peluang untuk berkahwin. Beliau mencadangkan RM30,000 akibat kemalangan kaki beliau dipotong. Mahkamah ini dirujuk kes *Saniah & Ors v. Abdul Hamid & Ors* [1967] 1 LNS 156 di mana award RM8,500 diberikan untuk kehilangan peluang untuk berkahwin akibat buta sebelah mata. Dalam kes *Seah Yit Chen v. Singapore Bus Service [1978] Ltd & Ors* [1990] 2 CLJ 901; [1990] 3 CLJ (Rep) 965 ganti rugi RM25,500 diberikan untuk "loss of marriage prospects".

[51] Sebaliknya, peguam responden-responden/defendan-defendan yang terpelajar menghujahkan keputusan Tuan HMS itu yang tidak memberikan ganti rugi untuk item ini perlu dikekalkan kerana tiada keterangan dikemukakan. Selanjutnya, dihujahkan perayu pertama/plaintif pertama masih muda dan apabila pemasangan kaki palsu dilakukan membolehkan menjalankan kehidupan seharian seperti biasa dan boleh bergaul.

[52] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam perayu pertama/plaintif pertama yang terpelajar ada keterangan yang menyatakan sebelum kemalangan plaintif pertama mempunyai teman lelaki dan selepas kemalangan beliau telah berpisah. Mahkamah ini juga berpendapat walaupun perayu pertama/plaintif pertama boleh berjalan apabila kaki palsu dipasang, penampilan seorang perempuan dalam keadaan begitu ianya boleh mengurangkan tarikan seorang lelaki untuk berkahwin. Keadaan mungkin berbeza apabila ianya berlaku atas seorang lelaki sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Khoo See Moi v Tay Teik Chang* [1970] 1 LNS 48; [1970] 2 MLJ 249.

[53] Mahkamah ini mengambil pendekatan dalam kes *Mariam Binti Mansor v. JD Peter* [1975] 1 LNS 101; [1975] 1 MLJ 279 di mana menyatakan:

> Under the head of loss of amenities, I shall have to bear in mind that the ugly scars and indeed the unsightly appearance will probably be a source of embarrassment to the plaintiff throughout her life, and, furthermore, as a young, pretty and unmarried girl, her prospects of marriage will certainly be reduced. In considering the reduced prospects of marriage, the court must also direct its mind to the fact of the impairment of personality which in itself is a relevant factor in this regard.

[54] Mahkamah ini memberikan award RM15,000 sebagai ganti rugi am atas kehilangan peluang untuk berkahwin.

Kos Kaki Palsu

[55] Peguam perayu pertama/plaintif pertama yang terpelajar merayu atas keputusan Tuan HMS itu yang membenarkan kos kaki palsu berdasarkan sebut harga yang disediakan oleh responden-responden/defendan-defendan (D15) (ms. (85) - (92) R.R) untuk jumlah RM321,262. Walaupun begitu, Tuan HMS membuat potongan 1/3 daripada jumlah sebut harga kaki palsu dan membenarkan RM214,174.67.

[56] Mahkamah ini bersetuju dengan keputusan Tuan HMS itu apabila mengambil sebut harga kaki palsu perayu pertama/plaintif pertama iaitu jenis "pneumatic knee joint" berbanding dengan cadangan perayu pertama/plaintif pertama iaitu bersifat "hydraulic". Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam responden-responden/defendan-defendan yang terpelajar sebut harga P12 berjumlah RM585,222 suatu jumlah yang berlebihan dan jenis "hydraulic" tidak sesuai untuk dipakai oleh perayu pertama/plaintif pertama.

[57] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam perayu pertama/plaintif pertama yang terpelajar iaitu Tuan HMS itu telah terkhilaf apabila membuat potongan 1/3 daripada sebut harga yang dicadangkan dalam D15. Mahkamah ini bersetuju potongan 1/3 akan diberikan apabila melibatkan plaintif yang lumpuh dan jangka hayat hidup akan berkurangan. Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, perayu pertama/plaintif pertama seorang yang muda dan kesihatannya baik. Mahkamah ini membenarkan rayuan perayu pertama/plaintif pertama setakat membenarkan kos kaki palsu sepenuhnya sebagaimana D15 tanpa membuat apa-apa potongan. Keputusan Tuan HMS itu diketepikan dan membenarkan kos kaki palsu berjumlah RM321,262.

Perayu Kedua/Plaintif Kedua

[58] Tuan HMS itu telah membenarkan ganti rugi am untuk "fracture of midshaft right tibia" berjumlah RM20,000. Sebaliknya, peguam perayu kedua yang terpelajar menghujahkan RM30,000. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu telah memberikan ganti rugi yang berpatutan, ianya tidak terlalu tinggi atau berlebihan. Mahkamah ini mengekalkan ganti rugi am ini iaitu RM20,000.

Perayu Ketiga/Plaintif Ketiga

[59] Peguam perayu ketiga/plaintif ketiga yang terpelajar merayu atas keputusan Tuan HMS itu yang tidak memberikan ganti rugi am bagi "faciotomy scar" dan "muscle wasting". Beliau dalam hujahannya mencadangkan RM20,000 untuk "faciotomy scar" dan RM5,000 untuk "muscle wasting". Mahkamah ini berpendapat RM10,000 secara global adalah suatu jumlah yang munasabah dan ianya tidak berlebihan.

[60] Mahkamah ini pada akhirnya memerintahkan responden-responden/defendan-defendan membayar kos RM4,000 kepada perayu-perayu/plaintif-plaintif.